

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
25 JUN 2018**

1. BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2018

Sukacita saya memaklumkan bahawa Bil Cukai Taksiran Penggal Kedua 2018 akan mula diterima oleh pemilik premis di Seberang Perai secara berperingkat mulai **29 Jun 2018** dan pembayaran perlu dibuat selewat-lewatnya pada **31 Ogos 2018**.

Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Sila hubungi MPSP di talian 04-5497470 / 471 / 891 / 790 atau e-mel ke waran@mpsp.gov.my untuk sebarang pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

2. PROGRAM HACKFEST MPSP 2018

Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menganjurkan satu program bagi mendapatkan kaedah untuk mempercepat dan mempermudahkan penyampaian perkhidmatan melalui *cyber* kaunter. Program ini akan diadakan secara marathon dalam tempoh 24 jam yang bercirikan *inclusive* melalui penglibatan komuniti khususnya golongan remaja yang dikenali sebagai HackFest MPSP 2018. Program ini akan memberi pendedahan kepada peserta sambil mencungkil idea dan inovasi di dalam pembangunan *Cyber* kaunter. HackFest MPSP 2018 akan dianjurkan bersempena Hari Majlis MPSP iaitu pada 13-15 Julai 2018 (Jumaat – Ahad) dengan menampilkan tema "Cyber Counter" sebagai fokus utama.

Program ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas dan berkumpulan dengan setiap kumpulan di antara 3-5 orang ahli. Yuran yang dikenakan adalah sebanyak RM 30 sahaja bagi setiap kumpulan dan hadiah yang menanti para pemenang ialah **RM 4,000** bagi Juara, **RM 2,000** bagi Naib Juara dan **RM 1,000** bagi tempat ketiga. Tarikh tutup penyertaan ialah

pada 1 Julai 2018 (Ahad). Untuk maklumat lanjut, pemohon boleh melayari laman web rasmi program ini seperti berikut:
<http://hackfest.mpsp.gov.my>.

3. PROGRAM FOREST BATHING MPSP

Dimaklumkan bahawa MPSP masih meneruskan lagi program berkonsepkan *Care For The Elderly*. Program yang telah dirancang di bawah strategi ini adalah *eco-teraphy* melalui program *Forest Bathing* atau **Terapi Rimba** yang akan diadakan di **Taman Negeri Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan** pada 7 Julai 2018 (Sabtu) bermula jam 8 pagi. Oleh itu, semua penduduk Seberang Perai dijemput untuk memeriahkan program ini disamping dapat merehatkan minda dengan menyelami alam flora dan fauna yang terdapat di Seberang Perai.

4. PROGRAM MPSP FUN WALK 2018

Dimaklumkan bahawa MPSP akan menganjurkan program MPSP Fun Walk 2018 pada 4 Ogos 2018 (Sabtu) mulai jam 7 pagi di Taman Rekreasi Ampang Jajar, Sungai Krian, SPS yang melibatkan laluan program sejauh 6 Kilometer. Peserta yang

mendaftar dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM 35 sahaja dan akan menerima T-shirt, Wristband, Pingat dan air mineral. Peserta juga digalakkan untuk parkir kenderaan di tempat yang disediakan iaitu berhampiran Masjid Seri Ampangan, Transkrian, 14300 Nibong Tebal, SPS dan bus shuttle akan disediakan oleh MPSP untuk membawa peserta ke lokasi program. Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web rasmi program ini seperti berikut:

<https://www.mpsp.gov.my/funwalk/>.

5. MPSP CAR FREE MORNING PADA 1 JULAI 2018 (AHAD) & SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP diteruskan semula setelah sebulan ditangguhkan bagi memberi laluan semasa bulan Ramadan yang lalu. Oleh itu, program sihat MPSP akan diteruskan dimulai dengan Program MPSP Car Free Morning yang akan diadakan pada 1 Julai 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari. Tema pada kali ini ialah berkonsepkan warisan dan kebudayaan yang mana pelbagai aktiviti warisan dan kebudayaan seperti sepak raga bulat, congkak, persembahan kebudayaan,

senamrobik dan lain-lain program menarik akan disediakan oleh MPSP.

Seterusnya, Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin pula akan diadakan pada 15 Julai 2018 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 22 Julai 2018 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.